

BAKAT SETEMPAT

Keluar dari zon selesa dengan lagu dwibahasa Melayu-Mandarin



SENTIASA USAHAKAN IDEA BARU: Bagi kekal relevan dalam industri seni yang mencabar, penyanyi dan penggubah lagu Singapura, Jamiel Said, teroka pula lagu dwibahasa. *Ku Mahu-Zaihu*, yang terpilih ke peringkat akhir peraduan mencipta lagu pop Mandarin peringkat nasional, akhir bulan ini. — Foto BH oleh KHAIDIR ASYRAF MAHBOB

► HARYANI ISMAIL
haryani@sph.com.sg

PASANG surut kehidupan anak seni sudah pun dirasakan lulusan ijazah pengurusan perniagaan daripada Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Muhammad Jamiel Mohd Said.

Namun Jamiel, 37 tahun, yang mencipta nama di sebarang Tambak menerusi lagu *Cincin Di Jari* (runut bunyi drama *Kekasih Paksa Rela*), akur mengenai konsep rezezi yang sudah Tuhan tetapkan buat setiap insan asal sahaja ada keinginan bekerja keras.

Beliau tidak mudah berputus asa malah kini teruja dengan lagu baru ciptaannya yang menggabungkan lirik Melayu dan Mandarin, *Ku Mahu-Zaihu*.

Lagu balada tentang cinta antara dua bangsa (Melayu dan Cina) itu dipilih ke peringkat akhir peraduan mengarang lagu SG:SW2019: I Write The Songs, hujung bulan ini.

Ini adalah antara 12 lagu yang terpilih sebagai finalis dan akan disajikan secara langsung di Pusat Kebudayaan Cina Singapura.

Peraduan mencipta lagu pop Mandarin di peringkat nasional ini merupakan anjuran bersama Persatuan Pengubah dan Penulis Lirik Singapura (Compass), Pusat Kebudayaan Cina Singapura dan Ocean Butterflies Music.

Ia menyediakan wadah mengetengahkan bakat muzik tempatan dan memupuk generasi bakat muzik baru yang menghasilkan lagu sendiri.

Lirik *Ku Mahu-Zaihu* yang mempunyai lengkok klasik lagu-lagu P. Ramlee dan Teresa Teng itu dihasilkan Jamiel dengan bantuan penulis lirik lagu Mandarin yang menghasilkan seni kata hebat, Lim Weibin.

Ketika ditemui di Pusat Persidangan Resorts World di mana lagu tersebut dipertandingkan dalam majlis Anugerah Compass ke-24, Jamiel berkata:

"Ini adalah pengalaman pertama saya menghasilkan lagu cinta dwibahasa yang dipilih bagi peraduan mencipta lagu Mandarin peringkat nasional."

"Alhamdulillah, pencapaian ini dianggap sebagai rezezi dan titik tolak saya menjalin kerjasama merentasi sempadan kaum dan bahasa."

"Ia sesuatu yang menyeronokkan dalam konteks masyarakat majmuk di Singapura. Apabila penulis lirik Weibin mengenangkan cabaran cinta antara kaum yang dihadapi seorang saudaranya sehingga membuatkan beliau menagis, saya lebih yakin lagu ini boleh sampai di hati ramai yang mengalaminya."

Bapa anak kecil berusia tiga tahun itu mendapati melodi *Ku Mahu-Zaihu* itu mudah melekat di hati sesapa termasuk si cilik seperti anaknya yang mendengarnya berulang kali.

"Saya sebenarnya tidak menantikan sebarang jangkaan bagi lagu-lagu ciptaan saya. Saya ikhlas dan gembira mempersembahkannya."

"Harapan saya lebih ramai penggiat muzik juga akan mendorong menjalin kerjasama dengan karyawan muzik berlainan bangsa atas keinginan ingin belajar dan merencanakan persada seni Singapura."

"Dalam era di mana sesetengah orang masih memandang serong pada penggiat muzik, saya riasakan kini harus memanfaatkan bakat yang ada bagi mengalas amanah sebagai penghibur ini secara baik dan berkesan," ujarnya.

Malahan, beliau tidak pernah menyangka lagu *Cincin Di Jari* boleh

"Ini adalah pengalaman pertama saya menghasilkan lagu cinta dwibahasa yang dipilih bagi peraduan mencipta lagu Mandarin peringkat nasional. Alhamdulillah, pencapaian ini dianggap sebagai rezezi dan titik tolak saya menjalin kerjasama merentasi sempadan kaum dan bahasa. Ia sesuatu yang menyeronokkan dalam konteks masyarakat majmuk di Singapura.."

— Muhammad Jamiel Mohd Said.

'meletup' dengan klip videonya sudah ditonton sebanyak 788,000 dalam masa dua tahun dimuatnaik ke YouTube.

"Saya rasa semua ini hasil penangan pelakon Remy Ishak yang menjayakan drama *Kekasih Paksa Rela*. Sambili orang menonton Remy, mereka pun mendengar runut bunyi drama ini."

"Saya juga apabila lagu *Nafas Ku* dijadikan lagu runut bunyi filem *Shahzeizy Sam dan Fazura, Manisnya Cinta Di Cappadocia*, ia buat saya menangi di pawagam sekitar Johor Bahru."

"Saya tidak duga lagu hasil penat lelah saya itu terpilih bagi filem tersebut," tambahnya yang juga merupakan anak Melayu pertama dipilih sebagai duta jenama kelengkapan muzik Audio-Technica.

Jamiel, yang memilih bagi membangun kerjaya dalam perniagaan muzik dengan mempunyai syarikat khidmat penyedia muzik bagi acara korporat dan majlis kahwin, Melody Central, SG ingat suka duka perjalanan seninya.

"Selama hampir sedekad, saya ingat apa yang diusahakan. Terasa lebih perit dari manisnya dalam terus kekal relevan dalam bidang muzik."

"Sungguhpun begitu, saya hargai doa ibu bapa dan ingat tempoh sukar dahulu pernah menjadi karang guri demi mendapatkan wang bagi membayarnya kos pengajian kerana saya datang dari keluarga sederhana."

"Saya pernah jadi pekerja sosial dahulu tetapi kini saya berharap segala asasi garam yang dilahiri membuka pintu rezezi saya dalam usaha memperbaiki kerjaya seni saya."

"Sebagai Duta Audio-Technica, saya berpeluang memanfaatkan peralatan terkini dan berkongsi pengalaman tentang industri muzik menerusi sesi ceramah membina. Saya tiada menyimpan hasrat bergelar bintang rok popular atau glamor. Apa yang saya usahakan kini lebih bagi memberi kelesaan dan kebahagiaan buat ibu bapa, anak dan isteri saya. Saya sentiasa minta Allah berikan yang terbaik," katanya lagi.